



Kenyataan Media

CYBERJAYA

28 Februari 2023

MCMC SAMBUT BAIK PELANTIKAN TAN SRI MOHAMAD SALIM BIN FATEH DIN SEBAGAI PENGERUSI MCMC YANG BAHARU

Pihak pengurusan serta warga kerja Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) merakamkan ucapan tahniah dan mengalukan pelantikan YBhg. Tan Sri Mohamad Salim bin Fateh Din sebagai Pengurus MCMC yang baharu bagi tempoh selama dua (2) tahun berkuat kuasa pada 1 Mac 2023. Pelantikan Mohamad Salim adalah bagi menggantikan YBhg. Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain yang mengakhiri perkhidmatannya sebagai Pengurus Interim pada hari ini, 28 Februari 2023.

Sebelum ini, Mohamad Salim merupakan mantan Pengurus Interim MCMC selain berkhidmat sebagai Ahli Suruhanjaya MCMC. Beliau juga pernah menjawat pelbagai jawatan seperti Pengarah Urusan Kumpulan Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), Pengasas Kumpulan Gapurna Sdn Bhd serta Pengurus Bukan Eksekutif Giant Malaysia dan Pengurus Bukan Eksekutif British American Tobacco (Malaysia) Berhad.

MCMC yakin pengalaman luas dan ketokohan beliau sepanjang berkhidmat sebagai Pengurus Interim dan pembabitannya dalam sektor korporat, mampu memberi kelebihan kepada beliau untuk mengukuhkan peranan Suruhanjaya dan ekosistem digital negara merangkumi Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) bagi meningkatkan tahap kesalinghubungan menyeluruh dan berkualiti, serta usaha pembangunan rangkaian 5G di seluruh negara. Selain itu, agenda untuk memperluaskan Pusat Ekonomi Digital (PEDi) sebagai pusat transformasi kepada usahawan dan usaha untuk menangani masalah berita palsu, kandungan jelik dan *scam* akan turut diberikan tumpuan.

Dalam pada itu, pengawalseliaan dalam sektor telekomunikasi, penyiaran, pos dan kurier, serta tandatangan digital akan terus diperkuuhkan bagi membolehkan industri kekal relevan dan berdaya saing bagi memacu Malaysia ke arah 'dekad digital keemasan'.

Pada kesempatan ini, MCMC juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Datuk Muhammad Azmi atas sumbangan dan perkhidmatan beliau sebagai Pengerusi Interim sepanjang tempoh menerajui MCMC.

JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission

MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA

T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



SKMM_MCMC



MCMCTV